

# Iraq: PM ingatkan tanggungjawab AS

UM-27/1/2007

**DAVOS**, Switzerland 26 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa Amerika Syarikat (AS) yang merupakan negara kuasa besar dunia supaya memahami bahawa ia mempunyai tanggungjawab berat di Iraq.

Menjawab satu soalan pada persidangan akhbar terbuka di Forum Ekonomi Dunia (WEF), beliau berkata, peranan rakyat Amerika ialah untuk membantu keadaan di Iraq dan bukan menyulitkan lagi isu itu.

Abdullah diminta mengulas keputusan pemilihan Kongres AS yang ada impak terhadap arah dasar kerajaan AS, terutama berkaitan keputusan Presiden George W. Bush untuk menghantar lebih banyak askar ke Iraq sementara Demokrat, yang telah mengambilalih Kongress, membantah penglibatan lanjut dalam negara itu, yang telah berpecahbelah oleh keganasan puak berlainan mazhab setiap hari.

Ditanya bagaimana beliau melihat berada di WEF untuk berkongsi pendapat mengenai ketengangan antara Barat dan Muslim boleh diredakan, Perdana Menteri berkata, beliau menilai peluang itu untuk berkongsi pandangannya yang mungkin tidak sama dengan yang lain.

"Tetapi sekurang-kurangnya saya tahu apa perasaan mereka. Nilai forum ini dalam bertukar-tukar idea adalah sangat besar. Dan dengan perkongsian idea ini kita harap kita boleh menemui sedikit penyelesaian," kata beliau.

## CHINA

Pada sidang akhbar yang sama, Perdana Menteri berkata, China merupakan sahabat dan ia sebahagian daripada persaudaraan Asean Campur Tiga.

"Kita hendaklah jangan bercakap mengenai ancaman China, tidak ada ancaman China. China mencabar, ya dan kita (ASEAN) telah membuktikan bahawa China hari ini adalah sahabat dan China sebahagian daripada kita (dalam proses ASEAN Campur Tiga)," katanya apabila menjawab soalan mengenai usaha mengurangkan pengaruh China di Asia Timur.

Abdullah, yang bertanggungjawab untuk meneruskan usaha bagi mendapatkan China ke dalam proses ASEAN Campur Tiga, berkata, China adalah penting untuk kerjasama Asia Timur.

Beliau berkata, banyak lagi rundingan mengenai penu-

**Peranan rakyat Amerika ialah untuk membantu keadaan di Iraq dan bukan menyulitkan lagi isu itu**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

buan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China dan diharapkan cadangan itu akan membawa lebih kemakmuran untuk rantau ini.

Katanya, Sidang Kemuncak Asia Timur mempunyai mekanisme dan modaliti yang boleh meliputi negara dengan pengaruh strategik yang mahu menjadi sebahagian daripada proses Asia Timur.

Bagaimanapun, negara ini mestilah mematuhi syarat mempunyai perjanjian Amiti dan Kerjasama, kata Perdana Menteri.

Abdullah berkata, beliau percaya dalam menilai ASEAN Campur Tiga dan proses Sidang Kemuncak Asia Timur kerana mereka merupakan contoh semangat persahabatan daripada penyekatan.

Menyentuh apa yang beliau fikirkan mengenai menyambung semula rundingan enam pihak untuk membincangkan isu program nuklear Korea Utara mulai bulan depan, Abdullah berkata, dunia hendaklah memberikan rundingan itu satu peluang.

China, katanya, juga memainkan peranan aktif dalamnya.

"Saya tidak percaya sebarang mekanisme atau kumpulan yang boleh menyelesaikan masalah itu. Kita kena tunggu (hasil). Jika ia tidak dapat ditangani, sekurang-kurangnya pada masa sekarang mereka boleh menanganinya itu supaya ia tidak menjadi sesuatu yang memudaratkan," katanya.

## BATU TALAM

Sementara itu ketika bercakap kepada pemberita Malaysia mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam, Perdana Menteri menyeru pengundi di kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam supaya keluar mengundi Ahad ini untuk memilih wakil rakyat yang akan mewakili



mereka.

Abdullah berharap pengundi akan memilih calon Barisan Nasional (BN) sekali lagi seperti apa mereka lakukan pada pilihan raya umum 2004.

"Tentulah saya mengharapkan calon Barisan Nasional sekali lagi diundi untuk menjadi wakil rakyat Batu Talam," katanya.

**ABDULLAH Ahmad Badawi mengadakan pertemuan dengan Putera Andrew dari Britain di sebuah hotel ketika menghadiri Forum Ekonomi Sedunia di Davos, Switzerland, semalam.**